



KERAJAAN MALAYSIA

**Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan
Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

MAJLIS RASMI KERAJAAN	2
WP 5.2/2013 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara	2
1. Tujuan	2
2. Peraturan	2
3. Hal-Hal Lain	3

MAJLIS RASMI KERAJAAN**WP 5.2/2013 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara****1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara.

2. Peraturan**2.1 Jamuan**

- 2.1.1 Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

2.2 Cenderamata

- 2.2.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400 seorang.

2.3 Sijil Penghargaan

- 2.3.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

2.4 Syarat-Syarat

- 2.4.1 pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- 2.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;
- 2.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- 2.4.4 majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali

setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Kementerian yang meliputi semua Jabatan dan agensi di bawahnya;

2.4.5 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan;

2.4.6 majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di perkarangan atau dalam kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing; dan

2.4.7 majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara.

3. Hal-Hal Lain

3.1 Kementerian/Jabatan yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.

3.2 Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan masing-masing.

3.3 Pesara yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut adalah layak membuat tuntutan perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan asal sebelum bersara.